Berita Harian 14 SEP 2010 MMS 13

Kanak-kanak mangsa perang Afghanistan dewasa sebelum usia

Tak berpeluang belajar di sekolah, perlu kerja bantu bapa sara keluarga

Oleh Brig Jen (B) Datuk Mohd Said Sungib

PEPERANGAN meninggalkan kesengsaraan dan trauma yang tidak sedikit kepada kanak-kanak Afghanistan. Apakah yang akan terjadi dengan masa depan kanak-kanak di negara berkenaan?

Wajarkah kesengsaraan dan trauma perang itu terus dibiarkan menghantui kehidupan seharian mereka, sedangkan mereka adalah pewaris yang akan menentukan jatuh bangunnya sebuah negara Afghanistan pada masa depan.

Perang tidak pernah berakhir dari dulu sehingga kini di Afghanistan. Bumi tandus dan berdebu itu pada hakikatnya mempunyai sejarahnya yang berliku-liku dan panjang.

Bahkan boleh dikatakan separuh daripada penduduk dewasa dan orang tua negara itu berasal daripada kanak-kanak perang yang

> *"Suasana itu mengajar mereka untuk tidak takut kepada perang, bahkan ada kanak-kanak yang bercita-cita ingin memiliki senjata seperti orang dewasa"*

ada di lereng bukit dan gunung mencari kayu api dan di lembah mengangkut air untuk keluarga.

Mereka kehilangan kemakmuran ekonomi. Negara tandus mereka yang menyimpan kekayaan hasil bumi, dijarah beradab-abad lamanya. Mereka lahir dalam suasana itu. Tangis pertama mereka disam-





mendewasakan diri mereka dalam tradisi perang yang berpanjangan. Daripada perang saudara merebut kuasa, jatuh dan menjatuhi antara satu sama lain, bunuh sehinggalah perang menentang Soviet sudah menjadi semacam tradisi yang sukar dibendung lagi.

Mengikut Perangkaan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) ada lebih kurang 10 juta daripada 22 juta penduduk Afghanistan adalah mereka yang berumur di bawah 18 tahun.

Peratusan kanak-kanak perang ini boleh dilihat di mana-mana. Atau ambil saja mereka yang berada pada lima bandar utama di Afghanistan iaitu Kabul, Logar, Kandahar, Mazer-i-sharif dan Heart. Jangan lupa dengan kem pelarian di Peshawar dan Quetta di Pakistan. Bayangkan di Peshawar saja, dianggarkan kira-kira 750,000 anak mangsa perang yang berumur di bawah 18 tahun.

Perang merampas segala-galanya daripada tangan mereka. Kanak-kanak kecil yang sepatutnya hidup dalam lingkungan kasih sayang keluarga, kehilangan kasih sayang, sama ada kehilangan ibu atau pun bapa. Mereka sepatutnya dibesarkan dalam sebuah rumah yang aman damai, bebas untuk bermain dan mengenal dunia kanak-kanak mereka sepenuhnya.

Sebaliknya, perang menghadiahkan mereka ruang kosong tanpa masa untuk bermain, apatah lagi bersekolah seperti kanak-kanak dari negara yang diliputi dengan keamanan.

Tiada permainan layang-layang di langit biru, apalagi untuk duduk di depan komputer dalam kamar peribadi. Sebaliknya mereka berbut dengan bunyi senjata perang dan bunyi lengsingan peluru atau asap bom yang menebal di langit.

Suasana itu mengajar mereka untuk tidak takut kepada perang, bahkan ada kanak-kanak yang bercita-cita ingin memiliki senjata seperti orang dewasa.

Peluang pendidikan terus tertutup dengan sekolah yang ranap dan runtuh oleh bom. Kalau pun memiliki hasrat untuk ke sekolah, kemiskinan dan desakan kehidupan tidak mampu untuk membayar yuran walaupun jumlah bayarannya yang amat kecil. Sekolah awal bagi seorang kanak-kanak seperti ini adalah jalan raya, longkang, sudut-sudut kota, lereng-lereng bukit dan gunung yang mengajar mereka makna kehidupan.

Mereka tidak fikirkan mengenai orang lain, kerana yang penting bagi mereka adalah usaha untuk meneruskan hidup. Kalau pun ada sekolah yang diteruskan oleh guru yang prihatin atas rasa tanggung-jawab agama dan manusiawi, tetapi kanak-kanak itu pula memerlukan makan dan minum. Seakan-akan mereka yang kecil menjadi dewasa usia dan pemikiran kerana ingin meneruskan kehidupan.

Mereka perlu kerja dan wang untuk menyuap mulut sendiri, adik dan ibu bagi kanak-kanak yang kehilangan bapa. Bagi yang mempunyai bapa sekali pun, mereka juga harus bekerja untuk membantu keluarga.

Begitu juga dengan masyarakat setempat yang tidak pun mempedulikan kewujudan mereka. Sama ada mereka makan, minum, atau mempunyai tempat berteduh, terpulang kepada diri kanak-kanak itu sendiri. Masa depan mereka seakan

ANTARA lokasi menarik di Afghanistan yang dilawati penulis baru-baru ini.

gelap seperti malam tak berbintang, bahkan untuk membesar sebagai manusia begitu sukar.

Di mana-mana yang ditemui hanyalah wajah kanak-kanak perang yang comot dengan 'shalwar kamez' lusuh dan kotor. Itulah wajah dan keperibadian mereka kerana itulah kemampuan yang mampu ditanggung untuk meneruskan kehidupan.

Tidak ada sesiapapun yang inginkan perang. Tetapi perang dan kekejaman telah menghukum mereka dengan pelbagai nasib dan takdir. Perang tidak pernah menghargai dan menghitung, berapakah harga sebuah nyawa. Nyawa tidak berharga sama sekali. Bahkan amat murah dan tidak bermakna apa-apa kepada api peperangan.

Untuk meneruskan hidup, nyawa sendiri harus diselamatkan. Menjadi pelarian ke negara orang bukanlah kerelaan. Tetapi demi meneruskan hidup, itulah tindakan terbaik dan paling bijaksana yang perlu dilakukan.

Sejak lebih dua dekad, Pakistan menjadi negara baru tempat mereka menumpang hidup. Terdapat kira-kira tiga juta pelarian rakyat Afghanistan di negara Pakistan dan separuh daripadanya adalah kanak-kanak.

Malaysia bertuah kerana memiliki rakyat dan masyarakat yang prihatin dengan segala bentuk kekejaman dan penindasan di mana-mana negara dunia pun. Rakyat Malaysia tidak pernah merestui kekejaman perang yang berlaku di mana-mana negara dunia sekali pun. Paling utama, rakyat Malaysia tidak pernah lokek untuk menghulurkan sumbangan dan bakti mereka kepada kanak-kanak mangsa perang sebegini. Kesusahan dan kesengsaraan mereka harus diringankan. Meski pun 'mata yang memandang, tidak sama dengan bahu yang memikul' tetapi segala sumbangan yang diberikan oleh Malaysia, sama ada oleh organisasi NGO mahupun secara individu adalah amat bermakna sekali.

Sumbangan Angkatan Tentera Malaysia, misalnya terhadap penderitaan manusia terbukti memainkan peranan penting di Congo, Kosovo dan banyak lagi, yang mewakili masyarakat negara ini akan selamanya dikenang dan dihargai oleh kemanusiaan sejagat.

Penulis ialah bekas Timbalan Pengarah Perisikan Angkatan Tentera Malaysia